

10
ULANG TAHUN
MyIPO

paten | patents

reka bentuk perindustrian
industrial designs

hakcipta | copyright

petunjuk geografi
geographical indications

cap dagangan | trade marks

reka bentuk susun atur litar bersepadu
integrated circuit layout designs

www.myipo.gov.my



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

2013

LAPORAN TAHUNAN
Annual Report



Rasional Kulit *Cover Rational*

Padanan imej dan corak segi tiga yang dipamerkan bermaksud usaha yang berterusan secara dinamik dalam misi menyediakan infrastruktur.

Image matching and pattern of triangles on display stands in a dynamic ongoing efforts in providing infrastructure missions.

Pemandangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksploitasi harta intelek.

View of the strong and efficient administrative system to enhance creativity and the exploitation of intellectual property.

© Hakcipta Terpelihara, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) 2013
© All rights reserved, Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) 2013

Disunting oleh / Edited by :
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)
Unit 1-7, Ground Floor, Menara UOA Bangsar,
No. 5 Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA
(Agensi Di Bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)



TEK 302 794
Pusat MyIPO

RECEPTIONIST



Kandungan Contents

6	Perutusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan <i>Foreword of Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism</i>	Pencapaian Harta Intelek <i>Intellectual Property Performance</i>	54
9	Perutusan Pengerusi <i>Chairman's Message</i>	Pejabat Cawangan MyIPO <i>MyIPO Branch Offices</i>	78
14	Perutusan Ketua Pengarah <i>Director General's Message</i>	Pembudayaan Harta Intelek <i>Intellectual Property Culture</i>	82
18	Profil Korporat <i>Corporate Profile</i>	Kerjasama Serantau dan Antarabangsa <i>Regional and Global Cooperation</i>	98
22	Anggota Perbadanan <i>Members of Corporation</i>	Sumber Manusia, Infrastruktur dan Teknologi <i>Human Resource, Infrastructure and Information Technology</i>	112
28	Kumpulan Pengurusan <i>Management Team</i>	Laporan Kewangan <i>Financial Report</i>	120
34	Diari Korporat 2013 <i>2013 Corporate Diary</i>	Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 <i>Financial Statement for the Year Ended 31 December 2013</i>	132
		Perancangan 2014 <i>2014 Plan</i>	162





Perutusan

.....
Messages



Perutusan Menteri *Minister's Foreword*

“ Perkembangan serta perubahan landskap harta intelek di peringkat global menuntut kita untuk lebih proaktif agar lebih berdaya saing dan berdaya maju di persada antarabangsa. Justeru itu, Malaysia telah mengambil satu langkah ke hadapan seiring dengan negara-negara maju membangunkan Penilaian Harta Intelek sebagai satu instrumen cagaran bagi mendapatkan pembiayaan dari institusi-institusi kewangan.

The ever-changing global intellectual property landscape requires us to be more proactive, competitive and progressive. Therefore, Malaysia has taken a step forward to be in line with developed countries by developing a method to evaluate intellectual property as a collateral in obtaining funding from financial institutions. ”



YB Dato' Sri Hasan Bin Malek
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) terus berdiri kukuh setelah sepuluh tahun diperbadankan. Saya amat berbangga dengan segala pencapaian MyIPO dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan harta intelek sebagai instrumen strategik bagi menjana nilai dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun ini juga, Malaysia telah melakar sejarah dalam bidang harta intelek kerana cap dagangan yang pertama didaftarkan pada 1913 kini telah berusia 100 tahun. Dalam tempoh itu juga, sistem harta intelek negara telah melepasi pelbagai cabaran dan melalui beberapa fasa transformasi sehingga mampu menjadikan MyIPO sebagai sebuah organisasi yang dinamik.

Perkembangan serta perubahan landskap harta intelek di peringkat global menuntut kita untuk lebih proaktif agar lebih berdaya saing dan berdaya maju di persada antarabangsa. Justeru itu, Malaysia telah mengambil satu langkah ke hadapan seiring dengan negara-negara maju membangunkan Penilaian Harta Intelek sebagai satu instrumen cagaran bagi mendapatkan pembiayaan dari institusi-institusi kewangan.

Sehubungan itu, Modul Latihan Penilaian Harta Intelek telah diformulasikan sebagai infrastruktur utama dalam bidang penilaian harta intelek dengan kerjasama pakar dari *World Trade Institute (WTI), University of Berne, Switzerland*. Sehingga kini, MyIPO telah berjaya melahirkan seramai 23 orang penilai harta intelek tempatan yang berkelayakan.

Menerusi inisiatif ini juga, MyIPO telah berjaya menghasilkan satu Model Penilaian Harta Intelek yang telah dilancarkan pada 6 November 2013. Model ini bertujuan memudahcara penilaian harta intelek, seterusnya memberi peluang kepada pemunya khususnya usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), untuk mendapatkan pembiayaan dengan mencagarkan harta intelek mereka.

Sebagai kesinambungan inisiatif pembangunan Penilaian Harta Intelek, MyIPO sedang membangunkan platform Pasaran Harta Intelek (*IP Marketplace*) di Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi dari China, Hong Kong dan Singapura. Kerjasama tersebut dimeterai melalui *Letter of Understanding (LoU)* bagi memudahkan pemilik harta intelek tempatan dapat memasarkan harta intelek mereka ke peringkat antarabangsa.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, praise be to Allah S.W.T for with His permission, Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) is continuously standing strong after ten years of incorporation. I am very proud of MyIPO's accomplishments in realizing Government's aspiration to make intellectual property as a strategic instrument for generating value and contributing towards nation's economic growth.

This year, Malaysia has marked another milestone in the field of intellectual property when the first trade mark registered in 1913, is now 100 years old. Within that period, the nation's intellectual property system has surpassed various challenges and has undergone various phases of transformation that makes MyIPO a dynamic organisation.

The ever-changing global intellectual property landscape requires us to be more proactive, competitive and progressive. Therefore, Malaysia has taken a step forward to be in line with developed countries by developing a method to evaluate intellectual property and hence, to be recognised as a collateral in obtaining funding from financial institutions.

Therefore, the Intellectual Property Valuation (IP Valuation) Training Module has been formulated as the main infrastructure in the field of intellectual property valuation in collaboration with experts from the World Trade Institute (WTI), University of Berne, Switzerland. To date, MyIPO has successfully trained 23 competent local Intellectual Property Valuers (IP Valuers).

Through this initiative, MyIPO has successfully established an IP Valuation Model which was launched on 6 November 2013. This model aims to facilitate valuation of intellectual property. As a result, the intellectual property owners especially the Small and Medium Enterprises (SME) entrepreneurs, will be able to gain opportunities to obtain funding by putting up their intellectual property as a collateral.

As a continuation to the initiative of IP Valuation development, MyIPO is in the midst of establishing IP Marketplace in Malaysia by collaborating with agencies from China, Hong Kong and Singapore. Malaysia has signed the Letter of Understanding (LoU) to facilitate the local intellectual property owners to market their intellectual property internationally.

Dalam memastikan perundangan harta intelek di Malaysia sejajar dengan perkembangan antarabangsa, Kerajaan sentiasa mengkaji dan mengemas kini undang-undang yang sedia ada. Komitmen ini dizahirkan dengan pelaksanaan Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2013 dan Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi (Pindaan) 2013 yang masing-masing telah berkuatkuasa pada 1 dan 15 Julai 2013.

Bagi Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2013, beberapa peruntukkan baharu diperkenalkan. Antaranya adalah *worldwide novelty* dan tempoh perlindungan yang lebih panjang untuk menggalakkan pengkomersialan produk. Selain itu, pindaan tersebut juga mengiktiraf reka bentuk perindustrian sebagai harta persendirian yang boleh dijadikan cagaran bagi mendapatkan pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan tempatan.

Manakala bagi Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi (Pindaan) 2013, Kerajaan telah memperkenalkan peruntukan baharu untuk pendaftaran ejen Petunjuk Geografi. Selain itu, borang pendaftaran petunjuk geografi turut dikemas kini yang mengkehendaki pemohon untuk menyediakan maklumat spesifikasi teknikal produk. Dalam konteks pembangunan petunjuk geografi negara, MyIPO telah melancarkan Logo Petunjuk Geografi pada 9 September 2013 bagi petunjuk geografi yang telah didaftarkan. Saya percaya, penggunaan logo tersebut mampu berperanan sebagai ikon penjenamaan negara (*country branding*) terutamanya untuk pasaran global.

Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh MyIPO dalam tempoh sedekad lalu diharapkan menjadi motivasi dan iltizam kepada MyIPO untuk menjadi organisasi yang lebih disegani dengan keupayaan memacu pembangunan harta intelek di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Sri Hasan Bin Malek

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi
Dan Kepenggunaan

*Minister of Domestic Trade, Co-operatives and
Consumerism*

In ensuring the Malaysian intellectual property legislation is in line with international developments, the Government has continuously reviewed and updated the IP laws. This commitment is proven with the enforcement of the Industrial Designs (Amendment) Regulations 2013 and Geographical Indications (Amendment) Regulations 2013 on 1 and 15 July 2013, respectively.

The Industrial Designs (Amendment) Regulations 2013 has introduced a number of new provisions such as worldwide novelty and a longer protection period for industrial design to encourage commercialisation. In addition, the amendment also recognised industrial designs as personal property that can be put up as collateral to obtain funding from local financial institutions.

Meanwhile, in the Geographical Indications (Amendment) Regulations 2013, the Government has introduced new provisions to include registration of geographical indication agents and updated geographical indication registration form where the owner is required to provide information on the product's technical specification. In the context of national geographical indication development, MyIPO has launched Geographical Indication Logo on 9 September 2013 for registered geographical indications. I believe that this logo is capable of becoming a country branding icon especially in the global market.

MyIPO has successfully accomplished a series of achievements throughout the past decade. It is hoped that these successes motivate and inspire MyIPO in becoming a more respected organisation with the ability to spearhead the intellectual property development in Malaysia.

Thank you.



Perutusan Pengerusi *Chairman's Message*



“ Perubahan landskap harta intelek di peringkat antarabangsa banyak mempengaruhi pembangunan sistem harta intelek di Malaysia. Sehubungan dengan itu, MyIPO perlu bersedia untuk menangani cabaran-cabaran yang mendatang bagi memastikan keamanan sistem harta intelek.

The evolving international intellectual property landscape has strongly influenced the development of intellectual property system in Malaysia. Accordingly, MyIPO should be prepared in tackling challenges and ensuring the sustainability of its intellectual property system. ”

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail
Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya saya diberi kesempatan untuk membentangkan Laporan Tahunan MyIPO 2013 dan menyampaikan perutusan ini bagi pihak Anggota Perbadanan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada MyIPO yang menyambut Ulang Tahun Kesepuluh pada tahun ini dengan pencapaian yang cemerlang sepanjang 2013. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga MyIPO yang sentiasa mengutamakan semangat berpasukan sehingga berjaya melaksanakan setiap program dan aktiviti yang dirancang dengan penuh dedikasi.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada YB Dato' Hasan bin Malek (Dato' Sri), Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) atas kewibawaan beliau dalam membawa MyIPO untuk terus menjadi sebuah organisasi yang unggul dalam pentadbiran dan pembangunan harta intelek di Malaysia.

Kedudukan Kewangan 2013

Pada 2013, MyIPO telah mencatat jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM80.95 juta dengan peningkatan 13.7% (2012:RM71.21 juta). Jumlah pendapatan tersebut merangkumi pendapatan operasi RM70.90 juta, meningkat sebanyak 6.7% (2012:RM66.45 juta) dan pendapatan-pendapatan lain RM10.05 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 111.1% (2012:RM4.76 juta).

Peningkatan pendapatan 2013 adalah susulan daripada peningkatan jumlah keseluruhan permohonan yang diterima dan kecekapan MyIPO memproses pengeluaran sijil pendaftaran. Peruntukan geran daripada Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan program Penilaian Harta Intelek yang secara tidak langsung turut menyumbang dalam peningkatan pendapatan 2013.

Pendapatan operasi terdiri daripada cap dagangan RM43.91 juta, paten RM21.92 juta, reka bentuk perindustrian RM4.95 juta, hak cipta RM114,105 dan petunjuk geografi RM7,825. Manakala pendapatan-pendapatan lain adalah dijana daripada simpanan tetap, amanah saham, dua geran Kerajaan dan hasil operasi lain.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.

I would like to express my utmost gratitude to Allah S.W.T for giving me the opportunity to present the 2013 Annual Report of MyIPO and to deliver this message on behalf of the Members of Corporation.

My heartiest congratulations to MyIPO for its Tenth Anniversary this year with an outstanding performance throughout 2013. I would also like to thank MyIPO staff for their exceptional dedication and teamwork in implementing the programmes and activities, successfully.


My appreciation is also extended to YB Dato' Hasan bin Malek (Dato' Sri), Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (DTCC) on his leadership in guiding MyIPO towards becoming an exemplary organisation to spearhead the administration and development of intellectual property in Malaysia.

2013 Financial Position

In 2013, MyIPO recorded a total income of RM80.95 million, an increase of 13.7% (2012:RM71.21 million). The total income consists of operating income RM70.90 million, increased by 6.7% (2012:RM66.45 million) and other incomes RM10.05 million, showing an increase of 111.1% (2012:RM4.76 million).

The increase in the 2013 total income is due to the rise in the total number of applications received and MyIPO's efficiency in issuing registration certificates. Allocation of grants from the Government for the Tenth Malaysian Plan (RMK10) projects and IP Valuation programme has indirectly contributed towards the increase of the total income in 2013.

Operating income consists of RM43.91 million from trade marks, RM21.92 million from patents, RM4.95 million from industrial designs, RM114,105 from copyright and RM7,825 from geographical indications. Meanwhile, other incomes were generated from fixed deposit, unit trust, two Government grants and other operating incomes.



Pencapaian 2013

Pada 2013, sejumlah 41,638 permohonan harta intelek telah diterima dengan peningkatan 1.6% (2012:40,992). Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,350 adalah permohonan paten dengan peningkatan 4.6% (2012:7,027) manakala, 32,225 adalah permohonan cap dagangan dengan peningkatan 1.1% (2012:31,876). Permohonan petunjuk geografi meningkat 42.9% dengan penerimaan 10 permohonan baharu (2012:7). Sejumlah 1,216 permohonan Pemberitahuan Hak Cipta Secara Sukarela telah diterima (Jun-Disember 2012:402). Bagi reka bentuk perindustrian pula, 2,053 permohonan telah diterima dengan penurunan sebanyak 1.4% (2012:2,082).

Bagi pendaftaran harta intelek pula, sejumlah 31,671 pendaftaran telah dicatatkan dengan peningkatan 3.8% (2012:30,503). Daripada jumlah pendaftaran tersebut, 2,691 adalah pemberian geran paten dengan peningkatan 7.6% (2012:2,501), manakala pendaftaran cap dagangan adalah sebanyak 26,979 dengan peningkatan 3.5% (2012:26,076). Permohonan reka bentuk perindustrian yang telah didaftarkan adalah 2,001 dengan peningkatan 4.0% (2012:1,924).

Susulan daripada pindaan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian telah dikemas kini dan dipinda supaya selaras dengan peruntukan Akta tersebut. Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2013 mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2013. Manakala, Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi (Pindaan) 2013 yang mula berkuatkuasa pada 15 Julai 2013 pula melibatkan penambahbaikan dalam prosedur permohonan dan pendaftaran serta memperincikan prosedur berkaitan pendaftaran ejen petunjuk geografi.

Pada tahun ini, MyIPO telah memperluas perkhidmatannya melalui penambahan pejabat cawangan baharu di Melaka pada 2 Januari 2013. Pembukaan pejabat cawangan ini telah mendapat respon yang positif dengan penerimaan sebanyak 254 permohonan harta intelek. Pejabat cawangan ini juga aktif mengadakan program kesedaran awam dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

Untuk memantapkan kempen kesedaran awam mengenai kepentingan perlindungan harta intelek, MyIPO telah menambah satu lagi *IP Mobile Clinic* yang berfungsi sebagai pusat sumber maklumat bergerak yang lebih informatif dan mempunyai

2013 Achievement


In 2013, a total of 41,638 intellectual property applications were received, an increase of 1.6% (2012:40,992). From this figure, patents made up 7,350 applications, an increase of 4.6% (2012:7,027) while trade marks made up 32,225 applications, an increase of 1.1% (2012:31,876). Geographical indications applications increased by 42.9% with 10 new applications received (2012:7). A total of 1,216 copyright voluntary notifications were received (June-December 2012:402). However, for industrial designs, 2,053 applications were received, a decrease of 1.4% (2012:2,082).

A total of 31,671 intellectual property registrations were recorded, an increase of 3.8% (2012:30,503). From the total registrations, 2,691 were granted patents, an increase of 7.6% (2012:2,501) and 26,979 were trade marks registrations, an increase of 3.5% (2012:26,076). For industrial designs, 2,001 applications were registered, an increase of 4.0% (2012:1,924).

Following the amendments to the Industrial Designs Act 1996, the Industrial Designs Regulations were updated and amended to be aligned with the provisions of the Act. The Industrial Designs (Amendment) Regulations 2013 came into force on 1 July 2013. Meanwhile, the Geographical Indications (Amendment) Regulations 2013 which came into force on 15 July 2013 includes improvement in the application and registration procedures. These Regulations also clarify procedures related to registration of geographical indications agent.

This year, MyIPO has expanded its services with the addition of a new branch office in Melaka on 2 January 2013. The branch office has shown an encouraging performance for its first year of operation, receiving a total of 254 intellectual property applications. The branch office was also active in conducting public awareness programmes in collaboration with the State Government.

In order to further strengthen the public awareness campaign on the importance of intellectual property protection, MyIPO has added another IP Mobile Clinic, a mobile resource center that is more informative, interactive and well-equipped.



ciri-ciri interaktif serta lebih canggih. Kedua-dua *IP Mobile Clinic* ini telah menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia dalam siri kempen kesedaran awam.

Buat pertama kalinya, MyIPO telah mengadakan program *IP Summer Camp* yang menyasarkan kepada pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh. Program berbentuk santai dan interaktif ini berjaya menarik minat pelajar untuk mengenali dan memahami kepentingan perlindungan harta intelek.

Sebagai usaha untuk menarik minat generasi muda untuk mengenali harta intelek, MyIPO juga telah memperkenalkan maskot harta intelek yang dikenali sebagai '*IP FrenZ*'. Maskot ini telah ditampilkan dalam program kesedaran dan aktiviti anjuran MyIPO.

Sejumlah 206 program (2012:153) telah dilaksanakan sepanjang 2013.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Bagi melestarikan budaya keprihatinan di kalangan warga kerja, MyIPO turut menyempurnakan tanggungjawab sosial korporat dengan membantu golongan yang memerlukan dan kurang bernasib baik. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Misi kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir dan memberi sumbangan kewangan kepada badan-badan kebajikan.

MyIPO turut meraikan dan menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim, pelajar miskin dan ibu tunggal bersempena Majlis Iftar Ramadhan dan Majlis Hari Raya Aidilfitri 1434H.

Perancangan 2014

Perubahan landskap harta intelek di peringkat antarabangsa banyak mempengaruhi pembangunan sistem harta intelek di Malaysia. Sehubungan dengan itu, MyIPO perlu bersedia untuk menangani cabaran-cabaran yang mendatang bagi memastikan kemapanan sistem harta intelek. Antara program bakal dilaksanakan bagi 2014 merangkumi penyediaan infrastruktur *IP Marketplace*, Model Latihan Ideal bagi Pemeriksaan Paten dan program Sekolah Angkat MyIPO.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada warga MyIPO atas usaha gigih dan khidmat bakti mereka selama ini. Setelah sedekad MyIPO diperbadankan, saya percaya MyIPO kini semakin matang dan akan terus mempertingkatkan prestasi yang cemerlang pada masa akan datang.

Both IP Mobile Clinics have travelled throughout West Malaysia in a series of public awareness campaigns.

For the first time, MyIPO has organised IP Summer Camp programme with boarding school students. The fun and interactive programme has managed to captivate the interest of the students to learn and understand the importance of intellectual property protection.

As an effort to attract young generation in getting to know intellectual property, MyIPO has introduced an IP mascot known as 'IP FrenZ'. The mascot has appeared in the awareness programmes and activities organised by MyIPO.

A total of 206 programmes (2012:153) was implemented in 2013.

Corporate Social Responsibility (CSR)

In maintaining a caring culture among employees, MyIPO fulfilled its corporate social responsibility by lending a helping hand to the needy and less fortunate. Among the activities that were carried out include Humanitarian Aid Mission to help flood victims and collection of monetary contribution for various charity organisations.

MyIPO also celebrated and contributed donations to orphans, less fortunate students and single mothers in conjunction with Majlis Iftar Ramadhan and Majlis Hari Raya Aidil Fitri 1434H.

2014 Plans

The evolving international intellectual property landscape has strongly influenced the development of intellectual property system in Malaysia. Accordingly, MyIPO should be prepared in tackling challenges and ensuring the sustainability of its intellectual property system. Among the programmes that will be implemented in 2014 include providing IP Marketplace infrastructure, Ideal Training Model for Patent Examination and MyIPO School Adoption programme.

Appreciation

My deepest appreciation goes to MyIPO staff for their hard work and dedication over the years. After a decade of incorporation, I believe that MyIPO is now more mature and will continue to excel in the future.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anggota Perbadanan, Pihak Pengurusan MyIPO dan semua pihak yang telah berkongsi idea-idea bernas untuk memastikan MyIPO kekal sebagai organisasi yang unggul. Terima kasih juga kepada semua klien, *stakeholders* dan media atas sokongan dan kepercayaan mereka kepada MyIPO untuk terus memberikan perkhidmatan harta intelek yang terbaik dan efisien.

Akhir kata, saya berharap MyIPO akan mengekalkan budaya kecemerlangan dan mempergiatkan usaha untuk mengetengahkan harta intelek sebagai sumber kekayaan yang menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail
Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia

I wish to thank the Members of Corporation, MyIPO Management Team and those who have shared ideas to ensure MyIPO remain an outstanding organisation. My sincere thanks also goes out to all MyIPO's clients, stakeholders and the media for their support and trust in MyIPO to continue providing efficient and best intellectual property services.

Finally, I hope MyIPO will maintain its culture of excellence and continue to play an important role in promoting intellectual property as a catalyst for the nation's economic development.

Thank you.



Perutusan Ketua Pengarah *Director General's Message*

“ Selain itu, MyIPO turut komited dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan klien, stakeholders dan masyarakat secara keseluruhannya. Penambahbaikan ini meliputi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang lebih meluas, efisien dan terkini dalam semua aspek seiring dengan kepesatan teknologi.

Furthermore, MyIPO is also committed to improve its service delivery system in meeting the needs of clients, stakeholders and public. It encompasses a more far-reaching, efficient as well as latest application of Information and Communication Technology (ICT) in all service aspects in keeping up with the rapid development of technology. ”



Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Director General of Intellectual Property Corporation of Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, MyIPO sekali lagi telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan MyIPO bagi tahun 2013.

Sesungguhnya, tahun 2013 adalah cukup bermakna bagi kita semua kerana dapat menyambut ulang tahun ke-10 MyIPO diperbadankan dengan beberapa siri kejayaan yang boleh dibanggakan.

Melalui Bajet 2013, Kerajaan telah mengamanahkan MyIPO sebagai sebuah agensi pelaksana dalam merealisasikan Inisiatif Penilaian Harta Intelek. Bagi menyokong inisiatif ini, MyIPO telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu *The Global IP Valuation Conference (GIPVC)* yang telah diadakan dari 6 sehingga 7 November 2013 di Kuala Lumpur. Persidangan bertemakan '*Unlocking the Mysteries of IP Valuation and Developing A Sustainable IP Ecosystem*' telah disertai oleh pelbagai pihak termasuk dari dalam dan luar negara.

Pada 2013 ini juga, Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah bagi penganjuran Mesyuarat Ke-42 *ASEAN Working Group on Intellectual Property Cooperation (AWGIPC)* yang telah diadakan dari 18 sehingga 22 November 2013 di Langkawi, Kedah. Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada kerjasama untuk mempertingkatkan pembangunan harta intelek di rantau ASEAN dan pelaksanaan Pelan Tindakan *ASEAN IPR 2011-2015*. Mesyuarat ini juga telah dihadiri oleh pegawai-pegawai harta intelek dari sepuluh negara anggota ASEAN, Rakan-rakan Dialog ASEAN juga Sekretariat ASEAN.

Selain itu, MyIPO turut komited dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatannya bagi memenuhi keperluan klien, *stakeholders* dan masyarakat secara keseluruhannya. Penambahbaikan ini meliputi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang lebih meluas, efisien dan terkini dalam semua aspek seiring dengan kepesatan teknologi.

Bagi memudahkan capaian orang awam untuk mendapatkan informasi mengenai pewartaan harta intelek dengan lebih pantas dan efisien, MyIPO telah membangunkan sistem Jurnal Rasmi Harta Intelek (*IP Official Journal*). Sistem ini merupakan pangkalan data secara atas talian yang dilengkapi dengan modul carian awam.

Dengan peningkatan infrastruktur ICT, MyIPO telah memperkenalkan projek '*Work From Home*' bagi membolehkan permohonan harta intelek

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.

Praise be to Allah S.W.T for with His Blessing and guidance that we are able once again to publish the MyIPO 2013 Annual Report.

Indeed, 2013 is a meaningful year for all of us as we celebrated the tenth anniversary of MyIPO's corporatisation with series of remarkable achievement.

In 2013 Budget, MyIPO was entrusted by the Government as an implementing agency in realizing IP Valuation Initiative. In supporting of this initiative, MyIPO has organised an international conference, The Global IP Valuation Conference (GIPVC) which was held from 6 to 7 November 2013. The conference themed 'Unlocking the Mysteries of IP Valuation and Developing a Sustainable IP Ecosystem' was attended by local and international stakeholders.

Also in 2013, Malaysia was honoured to be the host for the 42nd Meeting of ASEAN Working Group on Intellectual Property Cooperation (AWGIPC) which was held from 18 to 22 November 2013 in Langkawi, Kedah. The meeting focused on the cooperation to enhance the development of intellectual property in the ASEAN region and the implementation of ASEAN IPR Action Plan 2011-2015. The meeting was attended by IP officials from the ten ASEAN member countries, ASEAN Dialogue Partners and ASEAN Secretariat.

Furthermore, MyIPO is also committed to improve its service delivery system in meeting the needs of clients, stakeholders and public. It encompasses a more far-reaching, efficient as well as the latest application of Information and Communication Technology (ICT) in all service aspects in keeping up with the rapid development of technology.

MyIPO has successfully developed the IP Official Journal system to allow easy and efficient public access to gazetted intellectual property information. The system is an online database equipped with a public search module.

The enhancement of ICT infrastructure has allowed MyIPO to introduce the 'Work From Home' project that enables virtual processing of intellectual

diproses secara maya dari rumah. Projek ini terbukti berkesan dengan peningkatan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebanyak 30% semenjak ia dilancarkan. Inisiatif ini meletakkan MyIPO sebagai pejabat harta intelek pertama yang melaksanakan *Work From Home* di rantau ASEAN.

Saya juga berasa bangga kerana laman web MyIPO telah diberi penarafan lima bintang oleh Multimedia Development Corporation (MDeC). Ini membuktikan laman web MyIPO telah memenuhi kriteria penilaian yang digariskan oleh *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* dari segi kebolehcapaian maklumat oleh orang awam.

Pada masa yang sama, saya juga berasa bangga atas kejayaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MyIPO atau lebih dikenali sebagai MyGIC kerana telah mendapat tempat pertama di Konvensyen KIK Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) 2013. Selain itu, kita turut mendapat Tempat Kedua bagi Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Terbaik di peringkat Kementerian.

Harapan saya, kejayaan seumpama ini akan menyemarakkan lagi budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja MyIPO. Ini adalah kerana inovasi merupakan salah satu elemen penting untuk sesebuah organisasi itu menjadi lebih dinamik.

Saya percaya, MyIPO boleh mengecapi kejayaan yang lebih besar kerana budaya inovasi dan kreativiti yang kita miliki akan memastikan kita kekal relevan dan seterusnya bersedia menyahut cabaran dan jangkauan klien, stakeholders dan orang awam secara lebih holistik.

Sekian, terima kasih.

Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Ketua Pengarah
Director General
Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

property applications from home. The success of this project is proven with the 30% increase in Key Performance Indicator (KPI) after its launch. This initiative has placed MyIPO as the first intellectual property office in the ASEAN region to implement Work From Home.

I am also proud that MyIPO's website was awarded with five-star status by Multimedia Development Corporation (MDeC). This award shows that it has fulfilled all the evaluation criteria set out by the Malaysia Government Portals & Websites Assessment (MGPWA) in terms of information accessibility by the public.

At the same time, I am pleased on the achievement of our Innovative and Creative Circle (ICC) also known as MyGIC, for earning the first place at the 2013 Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (MDTCC) ICC Convention. Moreover, MyIPO was placed second in 'Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Terbaik' at Ministry level.

It is my hope that these achievements will further ignite innovative and creative culture among MyIPO staff as innovation is one of the important elements for an organisation to become more dynamic.

I believe, MyIPO can achieve greater success as the culture of innovation and creativity among us will ensure we remain holistically relevant and ready to take on the next challenge and expectations from clients, stakeholders and public at large.

Thank you.



Profail Korporat

.....
Corporate Profile



Profail Korporat *Corporate Profile*

Sebelum tahun 1983, hak-hak harta intelek di Malaysia telah ditadbir oleh Pejabat Cap Dagangan dan Jaminhak. Pejabat ini kemudiannya telah ditukar namanya kepada Pejabat Cap Dagangan dan Paten dalam tahun 1983 dan telah diletakkan di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pada 27 Oktober 1990, Kementerian telah membuat penyusunan semula dan seterusnya Pejabat ini telah diletakkan di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah ditukar nama kepada Bahagian Harta Intelek (BHI). Bahagian ini bertanggungjawab mentadbir Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 1976, dan Akta Hakcipta 1987.

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 telah mula dikuatkuasakan pada 1999, disusuli pada tahun 2000 dengan Akta Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Seterusnya pada tahun 2001, Akta Petunjuk Geografi 2000 dikuatkuasakan.

Dalam menghadapi perubahan pembangunan harta intelek di peringkat domestik dan global, BHI telah dijadikan sebuah badan berkanun pada 3 Mac 2003 dan dikenali sebagai Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM) melalui berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002.

Perbadanan telah mengambil langkah penjenamaan semula apabila singkatan PHIM ditukar kepada MyIPO pada 3 Mac 2005 sempena Pelancaran Hari Harta Intelek Negara yang pertama.

Prior to 1983, intellectual property rights (IPR) in Malaysia were administered by Pejabat Cap Dagangan dan Jaminhak. This Office changed its name to Pejabat Cap Dagangan dan Paten in 1983 and was placed under the jurisdiction of the then Ministry of Trade and Industry.


On 27 October 1990, the Ministry was restructured and the Office was placed under the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (MDTCA) which is now known as Ministry of Domestic Trade, Co-operative and Consumerism (MTDCC) and changed its name to Intellectual Property Division. The Division was tasked to administer Patents Act 1983, Trade Marks Act 1976, and Copyright Act 1987.

The Industrial Designs Act 1996 came into force in 1999, followed by the Layout-Designs of Integrated Circuits Act 2000. In 2001, the Geographical Indications Act 2000 came into force.

To respond to the development of intellectual property at domestic and global levels, the Division was corporatised on 3 March 2003 and known as the Intellectual Property Corporation of Malaysia (PHIM), with the enforcement of the Intellectual Property Corporation of Malaysia Act 2002.

The Corporation took an important first step of rebranding when the acronym PHIM became MyIPO on 3 March 2005 at the inaugural National Intellectual Property Day.





MISI

Mission

Menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksploitasi harta intelek.

Providing strong legal infrastructure and effective administration regime to enhance greater creativity and exploitation of intellectual property.

VISI

Vision

Menjadi salah sebuah organisasi harta intelek terbaik.

To be one of the leading intellectual property organisations.



OBJEKTIF

Objectives

- mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan;
 - memperkukuhkan perundangan harta intelek;
 - menyediakan maklumat harta intelek yang lengkap dan mesra pengguna;
 - menggalakkan program kesedaran awam mengenai kepentingan harta intelek; dan
 - menyediakan khidmat nasihat harta intelek.
-
- *establishing a strong and effective administration;*
 - *strengthening intellectual property laws;*
 - *providing comprehensive and user-friendly information on intellectual property;*
 - *promoting public awareness programmes on the importance of intellectual property; and*
 - *providing advisory services on intellectual property.*



Lagu Rasmi

Official Song

Bersama MyIPO

Paten Idea Baru Ciptaan
Perlindungan Kami Berikan
Juga Cap Dagangan Hakcipta
Dikenali Di Seluruh Dunia

Kreatif Serta Yang Asli
Reka Bentuk Pemaju Industri
Masyhur Seantero Negeri
Petunjuk Geografi

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung Harta Intelek
Pemudah Pendaftaran, Ciptaan
Efisien Dan Juga Mesra


Meletakkan Negara Malaysia
Setanding Dengan Negara Yang Maju
Menjamin Semua Perlindungan
Hak Harta Intelek

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO
Melindung Harta Intelek
Bersikap Profesional, Sedia
Dalam Segala Tindakan

Kami Sedia Membantu, Di MyIPO


Komposer / Composer : Dato' Wah Idris
Lirik Oleh / Lyrics By : MyIPO





Anggota
Perbadanan

.....
*Members of
Corporation*



Anggota Perbadanan *Members of Corporation*



YB DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
Pengerusi
Chairman

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail telah dilantik sebagai Pengerusi MyIPO dari 1 Julai 2010.

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail was appointed as Chairman of MyIPO from 1 July 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Politik dari *Golden State University*, California, Amerika Syarikat.

He holds a Master of Political Science from Golden State University, California, USA.

Beliau adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Paya Besar, Kuantan, Pahang. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian dan Pengerusi Majlis Perunding Koperasi bagi Parlimen Paya Besar dan Ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad.

He is a Member of Parliament for Paya Besar constituency, Kuantan, Pahang. He is also a Chairman of Agricultural Development Council and Consultative Council of Co-operatives for the Paya Besar constituency and Board Member of FELCRA Berhad.



**YBHG DATUK SERI PANGLIMA
THAM NYIP SHEN**

YBhg. Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan dari 1 Mac 2011.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Elektrik (Kepujian) dari *University of Manchester*. Beliau adalah Pengerusi Ecoglove Asia Pacific Sdn Bhd, yang menjadi peneraju dalam bidang teknologi pemprosesan semula sarung tangan automatik di dunia.

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan.

YBhg. Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen was appointed as Member of Corporation from 1 March 2011.

He graduated with a Bachelor of Science (Hons.) in Electronic and Electrical Engineering from University of Manchester. He is the founder and Executive Chairman of EcoGlove Asia Pacific Sdn Bhd, the pioneer in automatic glove reprocessing technology in the world.

At MyIPO, he is currently the Member of Audit Committee and Investment Committee.



YBHG DATO' FAUZIAH BINTI YAACOB

YBhg. Dato' Fauziah Yaacob telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan pada 1 Mei 2012.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kep.) (Geografi) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti of Liverpool, United Kingdom. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem dan Kawalan), Kementerian Kewangan Malaysia.

Di MyIPO, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan.

YBhg. Dato' Fauziah Yaacob was appointed as Member of Corporation on 1 May 2012.

She holds a Bachelor of Arts (Hons.) (Geography) from University of Malaya and a Master Degree in Public Administration from the University of Liverpool, United Kingdom. Currently, she is the Deputy Secretary General of Treasury (System and Control), Ministry of Finance Malaysia (MOF).

At MyIPO, she is a Member of Audit Committee and Investment Committee.



YBHG DATO' AMDAN BIN MAT DIN

YBhg. Dato' Amdan bin Mat Din telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan dari 1 Julai 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan telah menyertai Majlis Peguam pada 1993.

Beliau berpengalaman dalam sektor awam dan swasta, termasuk di dalam bidang Perundangan dan Kehakiman. Beliau pernah menerajui beberapa jabatan penting di dua syarikat terkemuka tempatan iaitu Maxis Communications Berhad dan Ranhill Berhad.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Ahli kepada Jawatankuasa Pelaburan.

YBhg. Dato' Amdan bin Mat Din was appointed as Member of Corporation from 1 July 2010.

He holds a Bachelor of Laws (Hons.) from University of Malaya and was admitted to the Malaysian Bar in 1993.

He has extensive experience both in the public and private sectors including the Judicial and Legal fronts. He had set up and drive many departments for two major Malaysian companies i.e. Maxis Communications Berhad and Ranhill Berhad.

At MyIPO, he is currently the Chairman of Audit Committee and Member of Investment Committee.



ENCIK PETER DESMOND WEE TIAN PENG

Encik Peter Desmond Wee Tian Peng telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan dari 1 Januari 2010.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari *University of Surrey, London*.

Beliau merupakan Presiden *Malaysian Intellectual Property Association (MIPA)*, Ahli Jawatankuasa Harta Intelek Majlis Peguam, Ahli *Asian Patent Attorney Association (APAA)* dan Ahli Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS).

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.

Mr. Peter Desmond Wee Tian Peng was appointed as Member of Corporation from 1 January 2010.

He earned his Bachelor of Laws (LLB Hons.) from University of Malaya and Master of Business Administration from University of Surrey, London.

He is the President of Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), Member of the Bar Council Intellectual Property Committee, Member of Asian Patent Attorney Association (APAA) and member of Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

At MyIPO, he sits as the Chairman of Investment Committee as well as Member of Nomination and Remuneration Committee.



YBHG DATO' AZIZAN BIN MOHAMAD SIDIN

YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin telah dilantik sebagai Ketua Pengarah MyIPO dan Anggota Perbadanan pada 1 Julai 2010.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Agribisnes dari Universiti Pertanian Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains (Ekonomi) dari *University of Arkansas*, Amerika Syarikat.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Lembaga Perolehan B dan Jawatankuasa Kontrak dan Sebutharga. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.

YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin was appointed as Director General and Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 July 2010.

He earned his Bachelor of Science in Agribusiness from Universiti Pertanian Malaysia and Master of Science (Economics) from University of Arkansas, USA.

At MyIPO, he is currently the Chairman of Procurement Board B and Contract and Quotation Committee. He is also a member of Investment and Risk Management Committee and Nomination and Remuneration Committee.



YBHG. DATO' MOHD ARIF BIN AB RAHMAN

YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan pada 1 April 2013.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Geografi) dari Universiti Malaya (1979).

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran dan pengurusan organisasi; telah memegang beberapa jawatan utama semasa berkhidmat dalam Kerajaan Negeri Selangor. Beliau telah dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri, Perbendaharaan Negeri Selangor (2006-2012) dan seterusnya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), KPDNKK (2012-2014).

Di MyIPO, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan serta Jawatankuasa Pelaburan.

YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman was appointed as Member of Corporation on 1 April 2013.

He holds a Bachelor of Arts (Hons.) (Geography) from University of Malaya (1979).

He has extensive experience in administering and managing an organization; has held several senior positions in the Selangor State Government. He was appointed as the Pegawai Kewangan Negeri, Selangor Treasury (2006-2012) and thereafter as the Deputy Secretary General (Domestic Trade) at MTDCC (2012-2014).

At MyIPO, he is a Member of Nomination and Remuneration Committee and Investment Committee.



YBHG. DATIN NUR WAHIDAH WONG BINTI ABDULLAH

YBhg. Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan pada 15 Julai 2008.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Tanah dari Universiti Putra Malaysia.

Di MyIPO, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Audit, Ahli Jawatankuasa Kontrak dan Tender serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan MyIPO.

YBhg. Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah was appointed as a Member of Corporation on 15 July 2008.

She holds a Bachelor of Arts (Hons.) in South East Asia Studies from University of Malaya and Master of Land Resource Management from Universiti Putra Malaysia.

At MyIPO, she is a Member of Audit Committee, Contract and Tender Committee as well as Nomination and Remuneration Committee of MyIPO.



YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
(1 Januari 2013-19 April 2013)

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan pada 1 Julai 2008.

Beliau memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Teknologi Mara (ITM), Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari *University of Hull*, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Eksekutif Pentadbiran Perniagaan dari *University of Ohio* (Anugerah dengan Kepujian Beta Gamma Sigma).

Kini, beliau adalah Ahli Parlimen Batang Sadong, Sarawak dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, Ahli Jawatankuasa Audit serta Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri was appointed as a Member of Corporation on 1 July 2008.

She holds a Diploma in Public Administration from Institut Teknologi Mara (ITM), Bachelor of Law (Hons.) from University of Hull, United Kingdom and an Executive Master in Business Administration from University of Ohio (Beta Gamma Sigma Honorary Award).

Currently, she is a Member of Parliament for Batang Sadong, Sarawak and a Minister at the Prime Minister's Department.

At MyIPO, she is the Chairman of Nomination and Remuneration Committee, Member of Audit Committee as well as Investment Committee.



Kumpulan
Pengurusan

.....
Management Team



YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Ketua Pengarah
Director General



Mohd Shahar bin Osman
Timbalan Ketua Pengarah (Korporat)
Deputy Director General (Corporate)



Shamsiah binti Kamaruddin
Timbalan Ketua Pengarah (Harta Industri)
Deputy Director General (Industrial Property)



Abdul Aziz bin Ismail
Pegawai Kanan Bahagian Cap Dagangan
Senior Director of Trade Mark Division



Zulkarnain bin Muhammad
Pegawai Kanan Bahagian Paten
Senior Director of Patent Division



Siti Eaisah binti Mohamad
Pegawai Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Senior Director of Policy and Strategic Planning Division



Sh. Arifin bin Sh. Mohd Noor
Pegawai Bahagian Khidmat
Pengurusan
*Director of Management Services
Division*



Mohd Faiizudin bin Mohd Sharuji
Pegawai
Bahagian Reka Bentuk Perindustrian
*Director
of Industrial Designs Division*



Kamal bin Kormin
Pegawai Seksyen Pemeriksaan
Paten (Sains Gunaan)
*Head of Patent Examination
(Applied Science) Section*



Fatimah Rohada binti Dahalan
Pegawai Seksyen Pemeriksaan
Paten (Kejuruteraan)
*Head of Patent Examination
(Engineering Section)*



Mohamed Fairuz bin Mohd Pilus
Pegawai Bahagian Hakcipta
Director of Copyright Division



Razhuan bin Hussin
Pegawai
Pusat Latihan Harta Intelek (IPTC)
*Director
of Intellectual Property Training
Centre (IPTC)*



Sharifah Nadiah binti Syed Sheikh
Pengurus Bahagian Teknologi
Maklumat
*Manager of Information Technology
Division*



Izam bin Ismail
Ketua Akauntan
Chief Accountant



Mohd Irwan bin Mohd Khalil
Pegawai Perhubungan Awam
Public Relations Officer



Nur Azrina binti Abdul Aziz
Ketua Unit Audit Dalam
Head of Internal Audit Unit



**Rashidah Ridha binti Sheikh
Khalid**
Pegawai Undang-Undang
Legal Officer



Asmawati binti Omar
Setiausaha Perbadanan
Corporation Secretary



Yusnieza Syarmila binti Yusoff
Ketua Cawangan Sabah
Head of Sabah Branch



Atek a/k Sanggeng
(Mendiang)
Ketua Cawangan Sarawak
Head of Sarawak Branch



Suhezey bin Mohd Shafie
Ketua Cawangan Zon Selatan
(Johor Bahru)
*Head of Southern Zone Branch
(Johor Bahru)*



Faridah binti Mat Firu
Ketua Cawangan Zon Pantai Timur
(Kuantan)
*Head of East Coast Zone Branch
(Kuantan)*



Fairos binti Roslim
Ketua Cawangan Zon Utara
(Seberang Jaya)
*Head of East Coast Zone Branch
(Seberang Jaya)*



Vincent Lejau
Ketua Cawangan Melaka
Head of Melaka Branch





Diari Korporat
2013

.....
2013 Corporate Diary

8 Jan 2013

Mesyuarat Pelan Strategik MyIPO 2013
MyIPO Strategic Plan Meeting 2013



30 Jan 2013

Kunjungan Hormat daripada
Intellectual Property Office of United Kingdom
Courtesy Visit by Intellectual Property Office of United Kingdom


20 Feb 2013

Penyerahan Sijil Cap Dagangan
Kepada Perbadanan Tabung
Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Presentation of Trade Mark Certificate to National Higher Education Fund Corporation (PTPTN)



21 Feb 2013

Kunjungan Hormat ke Pejabat
Setiausaha Negeri Melaka
Courtesy Call to the Melaka State Secretary



1 Mac 2013

Lawatan Rasmi daripada Petronas
Official Visit by Petronas



14 Mac 2013

Sesi Hi-Tea dengan Ketua Pengarah
MyIPO dan Ejen Harta Intelek
*Hi-Tea Session with Director General of
MyIPO and IP Agents*


15 Apr 2013

Bengkel Rundingan FTA
FTA Consultation Workshop



19 Apr 2013

Latihan Penilaian Harta Intelek
IP Valuation Training



14 Mei 2013

Kunjungan Hormat daripada Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia

Courtesy Visit by Federation of Malaysian Manufactures



29 Mei 2013

Persidangan Meja Bulat Penilaian Harta Intelek bersama Institusi Kewangan

IP Valuation Roundtable With Financial Institutions

11 Jun 2013

Lawatan Rasmi daripada Menteri dan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Official Visit by Minister and Deputy Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism




19 Jun 2013

Hari Terbuka Pejabat Cawangan Sabah MyIPO

MyIPO Sabah Branch Office Open Day





2 Jul 2013

Lawatan Rasmi daripada Timbalan
Ketua Pengarah IP Australia
*Official Visit by Deputy Director General
of IP Australia*



31 Jul 2013

Majlis Iftar MyIPO 2013
MyIPO's Iftar Ceremony 2013

22 Ogos 2013


Majlis Hari Raya Aidilfitri 2013
Hari Raya Aidilfitri Ceremony 2013



30 Ogos 2013

Lawatan Rasmi Polis Diraja Malaysia
Official Visit by Royal Malaysian Police





19 Sep 2013

Latihan Kerja Mengenai *Madrid Protocol*
On-The-Job Training on Madrid Protocol



23 Sep 2013

Bengkel Paten untuk Institut Pelajaran Tinggi
Workshop on Patent for Higher Learning Institutions

8 Okt 2013


Workshop for ASEAN SME Trainers on the Promotion of Brand Creation, Protection and Management



31 Okt 2013

MyIPO memenangi Anugerah Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
MyIPO won the Innovative and Creative Circle (ICC) Project Award





1 Nov 2013

Temubual Bersama Astro Awani
Sempena GIPVC
*Interviews with Astro Awani in
conjunction with GIPVC*



18 Nov 2013

Mesyuarat AWGIPC ke-42
42nd AWGIPC Meeting

3 Dis 2013

Majlis Anugerah Ejen Harta Intelek
IP Agent Award Ceremony



12 Dis 2013

Town Hall Session bersama Ketua
Pengarah MyIPO
*Town Hall Session with Director
General of MyIPO*





Pejabat Cawangan Melaka *Melaka Branch Office*

Pejabat cawangan MyIPO Melaka telah mula beroperasi pada 2 Januari 2013 terletak di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC). Cawangan yang keenam ini berfungsi sebagai pusat setempat bagi menyampaikan maklumat, memberi khidmat nasihat berkaitan harta intelek serta menerima permohonan baharu.

The Melaka Branch Office which started its operation on 2 January 2013 is located at Malacca International Trade Centre (MITC). As the sixth branch office, it acts as the local centre to disseminate information, provide consultation on intellectual property as well as to receive new applications.



Pejabat Cawangan MyIPO – Melaka *MyIPO Branch Office – Melaka*

Lot 1-24 dan 1-25 Aras 1,
Menara MITC Jalan Konvensyen,
Kompleks MITC
75450 Ayer Keroh, Melaka

Telefon / *Telephone*
06 232 4733
Faksimili / *Facsimile*
06 232 4727





Ulang Tahun Kesepuluh MyIPO

MyIPO's 10th Anniversary



Tahun 2013 menandakan sedekad MyIPO diperbadankan iaitu pada 3 Mac 2003. Beberapa program telah diadakan bagi meraikan tarikh bersejarah ini sempena dengan ulang tahun kesepuluh MyIPO.

The year of 2013 marked a decade of MyIPO's corporatisation on 3 March 2003. Various programmes were organised to commemorate the historical day in conjunction with MyIPO Tenth Anniversary in 2013.


Satu majlis makan malam telah diadakan pada 13 September 2013. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Menteri PDNKK, mantan Anggota Perbadanan, mantan Ketua Pengarah serta warga kerja yang pernah berkhidmat di MyIPO.

A dinner was held on 13 September 2013. This ceremony was also attended by YB Minister DTCC, former Board of Directors, Director General and MyIPO staff.

Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO juga telah menganjurkan beberapa aktiviti dan program bersempena dengan sambutan ulang tahun ini. Antaranya adalah program ceramah agama, majlis bacaan surah Yasin, IP Climb 2013 di Gunung Kinabalu dan Mini Karnival Sukan MyIPO.

MyIPO's Sports and Welfare Club has organised a number of activities and programmes in celebrating this anniversary. The programmes include religious talk, Yasin recitation, IP Climb 2013 at Mount Kinabalu and MyIPO Mini Sports Carnival.





Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2013 *National Intellectual Property Day (NIPD) 2013*

Hari Harta Intelek Negara (HHIN) 2013 merupakan kemuncak kepada program kesedaran dalam meningkatkan kefahaman masyarakat berkaitan perlindungan harta intelek. Sambutan kali kesembilan ini yang bertemakan 'Transformasi Negara Melalui Harta Intelek' telah dirasmikan oleh YB Menteri PDNKK pada 13 Jun 2013 di MITC.

The National Intellectual Property Day (NIPD) 2013 was the highlight of the awareness programmes to increase the understanding of intellectual property protection among the society. With the theme of 'Transformasi Negara Melalui Harta Intelek', the ninth celebration was inaugurated by YB Minister DTCC on 13 June 2013 at MITC.



Pengisian sambutan ini merangkumi pelbagai bentuk program yang telah diadakan sepanjang 2 hari di sekitar negeri Melaka termasuk Pameran Harta Intelek, Seminar Harta Intelek, Pidato Harta Intelek, Forum Perdana, Khutbah Jumaat, IP Run, IP Games, Treasure Hunt, Pertandingan Bintang Retro dan Konsert Harta Intelek.

Various programmes were held during the two day event in Melaka which included IP Exhibition, IP Seminar, IP Public Speaking, 'Forum Perdana', 'Khutbah Jumaat', IP Run, IP Games, Treasure Hunt, Retro Singing Competition and IP Concert.





Sempena sambutan HHIN 2013, pengiktirafan Anugerah Harta Intelek telah diberikan kepada pereka cipta tempatan di atas sumbangan kreativiti dan inovatif mereka kepada negara. Enam kategori telah dipertandingkan iaitu kategori Organisasi, Paten, Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta dan Perekacipta Muda. Pada tahun ini, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah dipilih sebagai pemenang anugerah bagi kategori Organisasi Pengurusan Harta Intelek Terbaik.

In conjunction with the NIPD 2013, the Intellectual Property Awards were given to local inventors for their contributions in creativity and innovation to the nation. There were six categories of the awards namely Organisation, Patent, Trade Mark, Industrial Design, Copyright and Young Inventor. For this year, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) was awarded as the winner of The Best Organisation in Intellectual Property Management.





Penilaian Harta Intelek *IP Valuation*

MyIPO juga telah memperkenalkan Modul Latihan Penilaian Harta Intelek pada 7 Mac 2013. Dua siri latihan penilaian telah diadakan bagi melahirkan kumpulan Penilai Harta Intelek tempatan yang bertauliah. Siri latihan Penilaian Harta Intelek telah diadakan pada Februari dan September 2013 dengan penyertaan 50 orang peserta dari pelbagai bidang. Dari jumlah tersebut, seramai 23 orang peserta telah lulus ujian kompetensi dan telah dianugerahkan Sijil Penilai Harta Intelek oleh MyIPO serta *The World Trade Institute (WTI), University of Berne, Switzerland*. Majlis Penyampaian Sijil Penilai Harta Intelek telah diadakan pada 3 September 2013 yang disempurnakan oleh YB Menteri PDNKK untuk sesi latihan pertama.

MyIPO introduced the IP Valuation Training Module on 7 March 2013. Two series of IP Valuation Training were conducted to produce a group of certified local IP Valuer. The series of IP Valuation training which was conducted in February and September 2013 was attended by 50 participants from various fields. 23 participants have successfully passed the competency test and awarded with IP Valuer Certificates by MyIPO and The World Trade Institute (WTI), University of Berne, Switzerland. IP Valuer Certificate Giving Ceremony was held on 3 September 2013 and the certificates were presented by YB Minister DTCC for the participants in the first series training.





Global Intellectual Property Valuation Conference (GIPVC) telah diadakan pada 6 dan 7 November 2013 di Kuala Lumpur, yang turut menyaksikan pelancaran Model Penilaian Harta Intelek oleh YB Menteri PDNKK. Antara program yang dilaksanakan sepanjang persidangan dua hari ini adalah sesi seminar, perbincangan panel dan perkongsian pengalaman yang merangkumi aspek-aspek penilaian dan pembiayaan harta intelek. Persidangan antarabangsa ini menyaksikan penglibatan seramai 404 peserta termasuk 49 ahli-ahli panel tempatan dan antarabangsa.

The Global Intellectual Property Valuation Conference (GIPVC) was held on 6 and 7 November 2013 in Kuala Lumpur, which also witnessed the launching of IP Valuation Model by YB Minister DTCC. Among the programmes organised during this two-day conference were seminars, panel discussions and sharing of experiences in the aspects of intellectual property valuation and monetisation. The international conference was attended by 404 participants which included 49 local and international panels.

Selain itu, sebanyak empat Sesi Teh Tarik telah diadakan sepanjang tahun 2013. Program ini bertujuan untuk membincangkan topik-topik berkaitan penilaian harta intelek.

Furthermore, a total of four Teh Tarik Sessions were held throughout 2013. The discussions were focused on topics relating to IP Valuation.



 *IP Summer Camp*
IP Summer Camp



IP Summer Camp 2013 telah diadakan dari 23 sehingga 25 Mei 2013 di Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya. Program kerjasama antara MyIPO dan Sekolah Seri Puteri Cyberjaya ini bertujuan meningkatkan tahap kefahaman generasi muda mengenai perlindungan harta intelek melalui pelbagai aktiviti yang santai dan interaktif.

IP Summer Camp 2013 was held from 23 to 25 May 2013 at Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya. This programme, which was organised by both MyIPO and Sekolah Seri Puteri Cyberjaya, aimed to enhance the understanding of intellectual property protection among young generation through fun and interactive learning activities.





 *IP Mobile Clinic II*
IP Mobile Clinic II

IP Mobile Clinic II telah dilancarkan pada 11 Jun 2013 oleh YB Menteri PDNKK. Klinik Bergerak ini berfungsi sebagai pusat maklumat bagi mengadakan promosi dan publisiti dalam kempen kesedaran harta intelek yang dibawa menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia.

IP Mobile Clinic II was launched on 11 June 2013 by YB Minister DTCC. The Mobile Clinic functions as an information centre to promote and publicise intellectual property awareness campaigns throughout West Malaysia.



 Maskot IP
IP Mascot



Maskot IP yang dikenali sebagai 'IP FrenZ' telah dilancarkan pada 4 Jun 2013 oleh YB Timbalan Menteri PDNKK. IP FrenZ merupakan singkatan kepada 'Intellectual Property, Filing, Registration, Examination, Novelty, Zero piracy'. Maskot ini ditampilkan dalam program-program MyIPO bagi menarik minat golongan muda untuk mengenali harta intelek.

IP Mascot which is known as 'IP FrenZ' was launched on 4 June 2013 by YB Deputy Minister DTCC. IP FrenZ is an acronym for 'Intellectual Property, Filing, Registration, Examination, Novelty and Zero piracy'. The Mascot appeared in MyIPO's programmes to attract younger generation in learning about intellectual property.





100 Tahun Pendaftaran Harta Intelek di Malaysia

100 Years Registration of Intellectual Property in Malaysia

Tahun 2013 menandakan genap 100 tahun pendaftaran harta intelek pertama di Malaysia. Majlis Sempena 100 Tahun Pendaftaran Harta Intelek telah diadakan pada 5 September 2013 di Sabah bersempena pendaftaran cap dagangan pertama pada 1913 di bawah *North Borneo Merchandise Marks Ordinance*.

2013 marked the 100th year since the first intellectual property registration in Malaysia. The Celebration of 100 Years Registration of Intellectual Property was held on 5 September 2013 in Sabah to commemorate the registration of the first trade mark in 1913 under the North Borneo Merchandise Marks Ordinance.



 Logo Petunjuk Geografi
Geographical Indication (GI) Logo



Pelancaran Logo Petunjuk Geografi telah diadakan pada 9 September 2013 di Pulau Langkawi, Kedah. Penggunaan logo ini menunjukkan produk petunjuk geografi tersebut telah didaftarkan di Malaysia. Logo petunjuk geografi ini membantu orang ramai dalam membuat pilihan kualiti dan reputasi produk petunjuk geografi.

The Geographical Indication (GI) Logo was launched on 9 September 2013 at Pulau Langkawi, Kedah. The logo is used to reflect that the product is a registered geographical indication in Malaysia. The logo also facilitates the consumer to choose geographical indication product based on its quality and reputation.





Mesyuarat Ke-42 ASEAN Working Group on Intellectual Property Cooperation (AWGIPC)

The 42nd Meeting ASEAN Working Group on Intellectual Property Cooperation (AWGIPC)

AWGIPC merupakan kumpulan kerja yang membincangkan mengenai kerjasama serantau dalam bidang harta intelek. Pada 2013, Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat ke-42 yang telah diadakan di Pulau Langkawi, Kedah dari 18 sehingga 22 November 2013. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh YB Menteri PDNKK dan telah dihadiri oleh pegawai tertinggi dari pejabat harta intelek negara-negara ASEAN.

AWGIPC is a working group dedicated to discuss the regional cooperation in the field of intellectual property. In 2013, Malaysia hosted the 42nd AWGIPC Meeting in Pulau Langkawi, Kedah from 18 to 22 November 2013. The Meeting was officiated by YB Minister of DTCC and was attended by senior officials from ASEAN Intellectual Property Offices.




Majlis Anugerah Ejen Harta Intelek *IP Agent Award Ceremony*



MyIPO telah menganjurkan Majlis Anugerah Ejen Harta Intelek pada 3 Disember 2013. Anugerah ini telah diberikan kepada ejen berdasarkan kepada empat kategori iaitu jumlah pemfailan tertinggi bagi paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian serta pemfailan melalui sistem *IP Online*.


MyIPO has organised the IP Agent Award Ceremony on 3 December 2013. The awards were presented to the agents based on four categories namely the highest number of filing for patent, trade mark, and industrial design as well as filing via IP Online system.





Pencapaian
Harta Intelek

.....
*Intellectual Property
Performance*



Pencapaian Harta Intelekt

Intellectual Property Performance



Paten

Patents

PATEN DAN PERBAHARUAN UTILITI ***PATENTS AND UTILITY INNOVATIONS***

Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti

Pada 2013, sejumlah 7,350 permohonan paten dan perbaharuan utiliti telah difailkan dengan peningkatan sebanyak 4.6% (2012:7,027). Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 1,269 permohonan atau 17.3% manakala 6,081 atau 82.7% adalah permohonan luar negara.


Jumlah permohonan tempatan meningkat 9.4% (2012:1,160) dan permohonan luar negara turut menunjukkan peningkatan sebanyak 3.6% (2012:5,867). Statistik bagi Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 1.

Patents and Utility Innovations Applications

In 2013, a total of 7,350 patents and utility innovations applications were filed, an increase of 4.6% (2012:7,027). Local applications contributed to 1,269 or 17.3%, while 6,081 or 82.7% were foreign applications.

The total number of local applications increased by 9.4% (2012:1,160) and the foreign applications also showed an increase of 3.6% (2012:5,867). Statistics of Patents And Utility Innovations Applications from 2009 to 2013 are as shown in Table 1.






Jadual 1 : Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti (2009-2013)
 Table 1 : Patents And Utility Innovations Applications (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	1,234	1,275	1,136	1,160	1,269
Luar Negara <i>Foreign</i>	4,503	5,189	5,423	5,867	6,081
Jumlah <i>Total</i>	5,737	6,464	6,559	7,027	7,350


Rajah 1: Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti (2009-2013)
 Figure 1: Patents And Utility Innovations Applications (2009-2013)



Jadual 2: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti (2013)
 Table 2: Top Ten Countries for Patents and Utility Innovations Applications (2013)

Tahun Year	2013
United States of America	1,592
Japan	1,414
Malaysia	1,269
Germany	485
Switzerland	445
France	237
South Korea	216
United Kingdom	212
China	166
Taiwan	158





Permohonan Paten Antarabangsa (PCT)

Pada 2013, sebanyak 272 pemfailan paten antarabangsa (PCT application) telah dicatatkan dengan penurunan sebanyak 9.3% (2012:300). Statistik bagi Permohonan Paten Antarabangsa dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 3.


Patent Cooperation Treaty (PCT) Applications

In 2013, a total of 272 PCT application filings were recorded with a decrease of 9.3% (2012:300). Statistics of PCT Applications from 2009 to 2013 are as shown in Table 3.

Jadual 3: Permohonan Paten Antarabangsa (2009-2013)
Table 3: PCT Applications (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Permohonan PCT <i>PCT Applications</i>	224	334	251	300	272

Rajah 2: Permohonan Paten Antarabangsa (2009-2013)
Figure 2: PCT Applications (2009-2013)



Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan

Pada 2013, sejumlah 109 permohonan pemeriksaan paten dipercepatkan telah difailkan (2012:9). Peningkatan drastik ini adalah hasil daripada keberkesanan promosi perkhidmatan permohonan dipercepatkan. Statistik Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan dari 2011 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 4.


Patents Expedited Examination Applications

In 2013, a sum of 109 applications for patents expedited examination was filed (2012:9). This drastic increase was the result of effective promotion of expedited examination service. Statistics of Patents Expedited Examination Application from 2011 to 2013 are as shown in Table 4.

Jadual 4: Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan (2011-2013)
Table 4: Patents Expedited Examination Applications (2011-2013)

Tahun Year	2011	2012	2013
Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan <i>Patent Expedited Examination Applications</i>	34	9	109





Pemberian Geran Paten dan Perbaharuan Utiliti *Granted Patents and Utility Innovations*

Pada 2013, sebanyak 2,691 pemberian geran paten dan perakuan perbaharuan utiliti telah dikeluarkan dengan peningkatan 7.6% (2012:2,501). Daripada jumlah tersebut, 305 atau 11.3% adalah geran paten tempatan dan 2,386 atau 88.7% adalah geran paten dari luar negara.

Pemberian geran paten tempatan menurun sebanyak 1.0% (2012:308) manakala geran paten luar negara pula meningkat 8.8% (2012:2,193). Statistik bagi Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 5.


In 2013, a number of 2,691 granted patents and certificates of utility innovations were issued with an increase of 7.6% (2012:2,501). From that figure, 305 or 11.3% were local patents and 2,386 or 88.7% were foreign patents.

Granted patents for local decreased by 1.0% (2012:308), however foreign granted patents increased by 8.8% (2012:2,193). Statistics of Granted Patents and Certificates of Utility Innovations from 2009 to 2013 are as shown in Table 5.

Jadual 5: Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti (2009-2013)
Table 5: Granted Patents and Utility Innovations (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	270	204	335	308	305
Luar Negara <i>Foreign</i>	3,198	1,973	2,057	2,193	2,386
Jumlah <i>Total</i>	3,468	2,177	2,392	2,501	2,691

Rajah 3: Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti (2009-2013)
Figure 3: Granted Patents and Utility Innovations (2009-2013)



Jadual 6: Sepuluh Negara Teratas bagi Pemberian Geran Paten dan Perakuan Perbaharuan Utiliti (2013)
 Table 6: Top Ten Countries for Granted Patents and Utility Innovations (2013)

Tahun Year	2013
 United States of America	674
 Japan	528
 Malaysia	305
 Germany	181
 Switzerland	147
 France	134
 United Kingdom	112
 The Netherlands	86
 South Korea	65
 Sweden	62

Pemberian Paten Berasaskan Bidang Teknologi *Granted Patents Based on Fields of Technology*

Pada 2013, 2,691 pemberian geran paten telah dikeluarkan berasaskan bidang teknologi mengikut pecahan berikut:

Bidang teknologi keperluan manusia meningkat 17.5% dengan 523 paten (2012:445); pelaksanaan operasi, pengangkutan menurun 7.3% dengan 393 paten (2012:424); kimia, logam meningkat 16.3% dengan 840 paten (2012:722); tekstil, kertas meningkat 44.0% dengan 36 paten (2012:25); binaan tetap juga meningkat 36.1% dengan 98 paten (2012:72); kejuruteraan mekanikal, pencahayaan, pemanasan, senjata, ledakan turut meningkat 6.9% dengan 108 paten (2012:101); manakala fizik menurun 4.0% dengan 315 paten (2012:328) dan bidang elektrik juga menurun 1.6% dengan 378 paten (2012:384). Statistik Pemberian Paten Mengikut Bidang Teknologi adalah seperti di Jadual 7.

In 2013, 2,691 patent grants were issued based on the fields of technology and the breakdown is as follows:

The fields of technology on human necessities increased by 17.5% with 523 patents (2012:445); performance operations, transporting decreased by 7.3% with 393 patents (2012:424); chemistry, metallurgy increased by 16.3% with 840 patents (2012:722); textiles, paper increased by 44.0% with 36 patents (2012:25); fixed construction increased by 36.1% with 98 patents (2012:72); mechanical engineering, lighting, heating, weapons, blasting increased by 6.9% with 108 patents (2012:101); while physics decreased by 4.0% with 315 patents (2012:328) and electricity also decreased by 1.6% with 378 patents (2012:384). Statistics of Granted Patents Based on Fields of Technology are as shown in Table 7.

Jadual 7: Pemberian Geran Paten Mengikut Bidang Teknologi (2009-2013)

Table 7: Patent Granted Based on Fields of Technology (2009-2013)

Seksyen Section	Bidang Teknologi Fields of Technology	2009	2010	2011	2012	2013
A	Keperluan Manusia <i>Human Necessities</i>	656	364	404	445	523
B	Pelaksanaan Operasi, Pengangkutan <i>Performing Operations, Transporting</i>	633	390	402	424	393
C	Kimia, Logam <i>Chemistry, Metallurgy</i>	837	599	693	722	840

Seksyen Section	Bidang Teknologi Fields of Technology	2009	2010	2011	2012	2013
D	Tekstil, Kertas <i>Textiles, Paper</i>	53	22	28	25	36
E	Binaan Tetap <i>Fixed Construction</i>	119	75	90	72	98
F	Kejuruteraan Mekanikal, Pencahayaannya, Pemanasan, Senjata, Ledakan <i>Mechanical Engineering, Lighting, Heating, Weapons, Blasting</i>	185	125	126	101	108
G	Fizik <i>Physics</i>	488	274	283	328	315
H	Elektrik <i>Electricity</i>	497	328	366	384	378
	Jumlah <i>Total</i>	3,468	2,177	2,392	2,501	2,691

Pembaharuan Paten

Patents Renewals


Pada 2013, sebanyak 16,091 paten telah diperbaharui dengan peningkatan 4.5% (2012:15,397). Statistik Pembaharuan Paten dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 8.

In 2013, a total of 16,091 patents were renewed, an increase of 4.5% (2012:15,397). Statistics of Patents Renewals from 2009 to 2013 are as shown in Table 8.

Jadual 8: Pembaharuan Paten (2009-2013)
Table 8: Patents Renewals (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Pembaharuan Paten <i>Patents Renewals</i>	15,145	14,439	15,031	15,397	16,091

Rajah 4: Pembaharuan Paten (2009-2013)
Figure 4: Patents Renewals (2009-2013)





Cap Dagangan

Trade Marks

CAP DAGANGAN TRADE MARKS

Permohonan Cap Dagangan

Pada 2013, permohonan cap dagangan menunjukkan peningkatan kepada 32,225, iaitu sebanyak 1.1% (2012:31,876). Daripada jumlah tersebut, 14,705 atau 45.6% adalah permohonan tempatan dan 17,520 atau 54.4% adalah permohonan luar negara.

Jumlah permohonan tempatan telah meningkat 4.7% (2012:14,044). Walau bagaimanapun, permohonan luar negara mencatat penurunan sebanyak 1.7% (2012:17,832). Usaha untuk menggalakkan lebih banyak permohonan tempatan terus dipergiat melalui program kesedaran harta intelek kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), institusi pengajian tinggi (IPT) dan agensi kerajaan. Statistik bagi Permohonan Cap Dagangan dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 9.

Trade Marks Applications


In 2013, trade marks applications recorded an increase to 32,225 applications, an increase of 1.1% (2012:31,876). Out of the total, 14,705 or 45.6% were local applications and 17,520 or 54.4% were foreign applications.

The total number of local applications increased by 4.7% (2012:14,044), while foreign applications declined by 1.7% (2012:17,832). The effort to increase the numbers of local applications through intellectual property awareness programmes has been intensified via engagement with small medium enterprises (SMEs), higher learning institutions and government agencies. Statistics of Trade Marks Applications from 2009 to 2013 are as shown in Table 9.


Jadual 9: Permohonan Cap Dagangan (2009-2013)
Table 9: Trade Marks Applications (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	12,810	13,099	13,001	14,044	14,705
Luar Negara <i>Foreign</i>	11,260	13,271	15,832	17,832	17,520
Jumlah <i>Total</i>	24,070	26,370	28,833	31,876	32,225





Rajah 5: Permohonan Cap Dagangan (2009-2013)
 Figure 5: Trade Marks Applications (2009-2013)



Jadual 10: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Cap Dagangan (2013)
 Table 10: Top Ten Countries for Trade Marks Applications (2013)

Tahun Year	2013
Malaysia	14,705
United States of America	3,413
Japan	2,552
Singapore	1,107
China	1,091
Germany	1,066
United Kingdom	985
France	882
Switzerland	781
Taiwan	589

Permohonan Melalui Sistem Pemfailan Atas Talian

MyIPO telah menerima 14,515 permohonan cap dagangan melalui sistem pemfailan atas talian pada 2013, dengan peningkatan sebanyak 48.2% (2012:9,791). Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 5,018 atau 34.6% manakala 9,497 atau 65.4% adalah permohonan luar negara. Peningkatan permohonan pemfailan atas talian adalah susulan daripada kemudahan sistem atas talian yang lebih mudah dan menjimatkan.

Online Applications Filing

MyIPO has received 14,515 trade marks applications through online application filing system in 2013, an increase of 48.2% (2012:9,791). Local applications contributed 5,018 or 34.6%, while 9,497 or 65.4% were foreign applications. The improved and cost-effective online application filing system has resulted in the increase of application filings.



Permohonan melalui sistem pemfailan atas talian dari pemohon tempatan telah meningkat sebanyak 47.2% (2012:3,410). Permohonan luar negara juga meningkat sebanyak 48.8% (2012:6,381). Statistik Permohonan Cap Dagangan Melalui Sistem Pemfailan Atas Talian dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 11.

Applications filed through the online filing system by local applicants increased by 47.2% (2012:3,410). Foreign applications also increased by 48.8% (2012:6,381). Statistics of Online Trade Marks Applications from 2009 to 2013 are as shown in Table 11.

Jadual 11: Permohonan Cap Dagangan Melalui Sistem Pemfailan Atas Talian (2009-2013)
Table 11: Online Trade Marks Applications (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	526	583	2,360	3,410	5,018
Luar Negara <i>Foreign</i>	400	535	3,300	6,381	9,497
Jumlah <i>Total</i>	926	1,118	5,660	9,791	14,515

Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan

Pada 2013, MyIPO telah menerima 318 permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan dengan peningkatan 6.7% (2012:298). Sebanyak 288 permohonan telah difailkan oleh pemohon tempatan dengan peningkatan 70.4% (2012:169) manakala permohonan dari luar negara menurun kepada 30 permohonan, iaitu sebanyak 76.7% (2012:129).

Trade Mark Expedited Examination Applications


In 2013, MyIPO has received 318 applications for Expedited Trade Marks Examination with an increase of 6.7% (2012:298). A total of 288 applications were filed by local applicants, increased by 70.4% (2012:169) meanwhile foreign applications, decreased to 30 applications with 76.7% reduction (2012:129).

Bilangan permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan secara keseluruhannya terus meningkat didorong oleh keperluan pemohon untuk mendapatkan sijil pendaftaran dalam tempoh yang lebih singkat iaitu enam bulan tiga minggu dari tarikh pemfailan. Keyakinan pemohon terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh MyIPO telah meningkat berikutan pensijilan MS ISO 9001:2008 dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan jumlah permohonan. Statistik bagi Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan dari 2011 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 12.

The increase in number of applications for Expedited Trade Marks Examination could be attributed to the applicants' needs to obtain registration certificate in a shorter time period, six months three weeks from the filing date. Following the MS ISO 9001:2008 certification, the applicants were further assured by MyIPO's quality service and thus contributed to the increase in the number of applications. Statistics of Trade Mark Expedited Examination Applications from 2011 to 2013 are as shown in Table 12.

Jadual 12: Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan (2011-2013)
Table 12: Trade Marks Expedited Examination Applications (2011-2013)

Tahun Year	2011	2012	2013
Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan <i>Trade Marks Expedited Examination Applications</i>	116	298	318



Pendaftaran Cap Dagangan

Jumlah pendaftaran cap dagangan pada 2013 telah meningkat kepada 26,979, iaitu sebanyak 3.5% (2012:26,076). Pendaftaran tempatan adalah sebanyak 9,777 atau 36.2% daripada jumlah pendaftaran, manakala sebanyak 17,202 atau 63.8% merupakan pendaftaran luar negara.

Jumlah pendaftaran cap dagangan tempatan menunjukkan peningkatan 0.1% (2012:9,765) dan pendaftaran cap dagangan luar negara juga meningkat 5.5% (2012:16,311). Statistik bagi Pendaftaran Cap Dagangan dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 13.

Trade Marks Registrations


The total registration of trade marks in 2013 have increased to 26,979 which is 3.5% (2012:26,076). From this figure, 9,777 registrations or 36.2% were local, meanwhile 17,202 or 63.8% were foreign registrations.

Local trade marks registrations showed an increase of 0.1% (2012:9,765) and foreign registrations also increased by 5.5% (2012:16,311). Statistics of the Trade Marks Registrations from 2009 to 2013 are as shown in Table 13.

Jadual 13: Pendaftaran Cap Dagangan (2009-2013)
 Table 13: Trade Marks Registrations (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	5,438	5,642	10,201	9,765	9,777
Luar Negara <i>Foreign</i>	9,534	8,652	13,618	16,311	17,202
Jumlah <i>Total</i>	14,972	14,294	23,819	26,076	26,979

Rajah 6: Pendaftaran Cap Dagangan (2009-2013)
 Figure 6: Trade Marks Registrations (2009-2013)



Jadual 14: Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Cap Dagangan (2013)
 Table 14: Top Ten Countries for Trade Marks Registrations (2013)

Tahun Year	2013
 Malaysia	9,777
 United States of America	3,890
 Japan	2,692
 China	1,050
 Germany	1,048
 Singapore	953
 United Kingdom	914
 Switzerland	862
 France	747
 South Korea	514

Pembaharuan Cap Dagangan

Pada 2013, sebanyak 14,189 cap dagangan telah diperbaharui dengan peningkatan 4.0% (2012:13,640). Statistik Pembaharuan Cap Dagangan dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 15.


Trade Marks Renewals

In 2013, a total of 14,189 trade marks were renewed with an increase of 4.0% (2012:13,640). Statistics of Trade Marks Renewals from 2009 to 2013 are as shown in Table 15.

Jadual 15: Pembaharuan Cap Dagangan (2009-2013)
 Table 15: Trade Marks Renewals (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Pembaharuan Cap Dagangan <i>Trade Marks Renewals</i>	13,193	13,265	13,583	13,640	14,189

Rajah7: Pembaharuan Cap Dagangan (2009-2013)
 Figure 7: Trade Marks Renewals (2009-2013)





Reka Bentuk Perindustrian

Industrial Designs

REKA BENTUK PERINDUSTRIAN *INDUSTRIAL DESIGNS*

Permohonan Reka Bentuk Perindustrian

Pada 2013, MyIPO telah menerima 2,053 permohonan reka bentuk perindustrian dengan penurunan sebanyak 1.4% (2012:2,082). Permohonan tempatan merekodkan sejumlah 679 permohonan atau 33.1% manakala permohonan luar negara adalah sebanyak 1,374 atau 66.9% daripada jumlah keseluruhan permohonan reka bentuk perindustrian.

Permohonan tempatan merosot sebanyak 20.8% (2012:857). Pemohon tempatan dilihat mengambil langkah selektif dengan memberi keutamaan pendaftaran kepada harta intelek yang lebih bernilai komersial. Walau bagaimanapun, permohonan luar negara telah menunjukkan peningkatan sebanyak 12.2% (2012:1,225). Statistik Permohonan Reka Bentuk Perindustrian dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 16.

Industrial Designs Applications


In 2013, MyIPO received 2,053 industrial designs applications, a decrease of 1.4% (2012:2,082). Local applications recorded 679 applications or 33.1% while foreign applications were 1,374 or 66.9% from the total number of industrial designs applications.

Local applications decreased by 20.8% (2012:857). Local applicants seemed to be more selective in registering their intellectual property where priorities were given to those with better commercial values. However, foreign applications showed an increase of 12.2% (2012:1,225). Statistics of Industrial Designs Applications from 2009 to 2013 are as shown in Table 16.

Jadual 16: Permohonan Reka Bentuk Perindustrian (2009-2013)
Table 16: Industrial Designs Applications (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	699	737	743	857	679
Luar Negara <i>Foreign</i>	766	940	1,128	1,225	1,374
Jumlah <i>Total</i>	1,465	1,677	1,871	2,082	2,053

Rajah 8: Permohonan Reka Bentuk Perindustrian (2009-2013)
 Figure 8: Industrial Designs Applications (2009-2013)



Jadual 17: Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Reka Bentuk Perindustrian (2013)
 Table 17: Top Ten Countries for Industrial Designs Applications (2013)

Tahun Year	2013
Malaysia	679
Japan	303
South Korea	230
United States of America	174
Sweden	143
Switzerland	108
United Kingdom	71
Germany	68
Singapore	63
The Netherlands	44

Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian


Pendaftaran reka bentuk perindustrian pada 2013 telah meningkat sebanyak 4.0% yang mana 2,001 telah didaftarkan (2012:1,924). Pendaftaran tempatan menyumbang sebanyak 698 atau 34.9% dan pendaftaran luar negara yang direkodkan adalah sebanyak 1,303 atau 65.1% daripada jumlah keseluruhan pendaftaran reka bentuk perindustrian.

Pendaftaran tempatan menyusut 6.2% (2012:744) berbanding pendaftaran luar negara yang telah meningkat sebanyak 10.4% (2012:1,180). Statistik Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 18.

Industrial Designs Registrations

Registrations of industrial designs in 2013 increased by 4.0% with 2,001 registrations (2012:1,924). Local registrations contributed to 698 registrations or 34.9% and recorded foreign registrations made up 1,303 or 65.1% of the total number of industrial designs registrations.


Local registrations showed a slight decrease of 6.2% (2012:744) as compared to foreign registrations which increased by 10.4% (2012:1,180). Statistics of Industrial Designs Registrations from 2009 to 2013 are as shown in Table 18.



Jadual 18: Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian (2009-2013)
 Table 18: Industrial Designs Registrations (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	529	748	714	744	698
Luar Negara <i>Foreign</i>	1,067	850	927	1,180	1,303
Jumlah <i>Total</i>	1,596	1,598	1,641	1,924	2,001

Rajah 9: Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian (2009-2013)
 Figure 9: Industrial Designs Registrations (2009-2013)



Jadual 19: Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian (2013)
 Table 19: Top Ten Countries for Industrial Designs Registrations (2013)

Tahun Year	2013
Malaysia	698
Japan	305
United States of America	254
South Korea	195
Switzerland	105
Sweden	76
United Kingdom	58
The Netherlands	44
Germany	40
Singapore	34



Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian

Industrial Designs Renewals

Pada 2013, pembaharuan reka bentuk perindustrian telah meningkat kepada 1,575 atau 2.3% (2012:1,539). Statistik Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 20.

In 2013, industrial designs renewals increased to 1,575 or 2.3% (2012:1,539). Statistics of Industrial Designs Renewals from 2009 to 2013 are as shown in Table 20.


Jadual 20: Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian (2009-2013)

Table 20: Industrial Designs Renewals (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian <i>Industrial Designs Renewals</i>	1,101	1,048	1,455	1,539	1,575

Rajah 10: Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian (2009-2013)

Figure 10: Industrial Designs Renewals (2009-2013)





MALAYSIA

- National capital
- Regional capital
- Town, village
- ✈ Airport
- International boundary
- Regional boundary
- Main road
- Secondary road
- Railroad

Petunjuk Geografi

Geographical Indications

PETUNJUK GEOGRAFI GEOGRAPHICAL INDICATIONS

Permohonan Petunjuk Geografi

Pada 2013, sejumlah 10 permohonan petunjuk geografi telah difailkan dengan peningkatan sebanyak 42.9% (2012:7). Permohonan-permohonan tersebut adalah terdiri daripada permohonan tempatan sahaja. Statistik bagi Permohonan Petunjuk Geografi dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 21.


Geographical Indications Applications

In 2013, a total of 10 geographical indications applications were filed, an increase of 42.9% (2012:7). The applications consisted of local applications only. Statistics of Geographical Indications Applications from 2009 to 2013 are as shown in Table 21.

Jadual 21: Permohonan Petunjuk Geografi (2009-2013)
Table 21: Geographical Indications Applications (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	6	3	6	7	10
Luar Negara <i>Foreign</i>	1	2	1	0	0
Jumlah <i>Total</i>	7	5	7	7	10

Rajah 11: Permohonan Petunjuk Geografi (2009-2013)
 Figure 11: Geographical Indications Applications (2009-2013)



Pendaftaran Petunjuk Geografi


Sejumlah 22 petunjuk geografi telah didaftarkan sejak 2003. Pada 2013, tiada pendaftaran direkodkan kerana permohonan tersebut masih dalam proses pemeriksaan. Statistik Pendaftaran Petunjuk Geografi dari 2009 sehingga 2013 adalah seperti di Jadual 22.

Geographical Indications Registrations

A total of 22 geographical indications were registered since 2003. In 2013, there were no registrations recorded due to the applications being in the midst of examination process. Statistics of Geographical Indications Registrations from 2009 to 2013 are as shown in Table 22.

Jadual 22: Pendaftaran Petunjuk Geografi (2009-2013)
 Table 22: Geographical Indications Registrations (2009-2013)

Tahun Year	2009	2010	2011	2012	2013
Malaysia	1	3	6	1	0
Luar Negara Foreign	2	0	2	1	0
Jumlah Total	3	3	8	2	0



Rajah 12: Pendaftaran Petunjuk Geografi (2009-2013)
 Figure 12: Geographical Indications Registrations (2009-2013)



Jadual 23: Petunjuk Geografi Berdaftar
 Table 23: Registered Geographical Indications

Bil. No.	Petunjuk Geografi Berdaftar Registered Geographical Indications	Tahun Pendaftaran Registration Year
1.	Sarawak Pepper	2003
2.	Sabah Tea	2006
3.	Borneo Virgin Coconut Oil	2006
4.	Tenom Coffee	2006
5.	Sabah Seaweed	2007
6.	Bario Rice	2008
7.	Buah Limau Bali Sungai Gedung	2008
8.	Pisco	2008
9.	Sarawak Beras Biris	2009
10.	Sarawak Beras Bajong	2009
11.	Tambunan Ginger	2009
12.	Scotch Whisky	2009
13.	Kuih Lidah Kampung Berundong Papar	2009
14.	Sarawak Dabai	2010
15.	Sarawak Layered Cake	2010
16.	Parmigiano Reggiano	2010
17.	Cognac	2010
18.	Sarawak Sour Eggplant	2011
19.	Sarawak Litsea	2011
20.	Langkawi Cheese	2011
21.	Mangga Harumanis Perlis	2011
22.	Champagne	2011



Hak Cipta

Copyright

HAK CIPTA *COPYRIGHT*

Susulan daripada pindaan Akta Hak Cipta 1987 yang telah diluluskan pada 2012, MyIPO telah melaksanakan beberapa inisiatif merangkumi Sistem Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta, Pendaftaran Badan Pelesenan, Tribunal Hak Cipta, Pengehadan Tanggungan Pemberi Perkhidmatan (ISP) dan Budaya Ekspresi Tradisi (TCE).

Following the amendment of the Copyright Act 1987 that was passed in 2012, MyIPO has carried out several initiatives such as Copyright Voluntary Notification System, Registration of Licensing Bodies, Copyright Tribunal, Limitation of Service Providers Liability (ISP) and Traditional Cultural Expression (TCE).

Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta

Pembangunan Sistem Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta telah mewujudkan rekod daftar hak cipta bagi memberi sokongan terhadap implementasi Peraturan yang telah dikuatkuasakan.


Copyright Voluntary Notification

The establishment of Copyright Voluntary Notification System has created a register of copyright works to support the implementation of the enforced regulations.

Sejumlah 1,216 permohonan telah diterima pada 2013, menjadikan jumlah keseluruhan permohonan adalah 1,618, sejak sistem ini diperkenalkan pada 1 Jun 2012. Statistik Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta berdasarkan Jenis Karya bagi 2013 adalah seperti di Jadual 24.

1,216 applications were received in 2013, bringing the total number of applications to 1,618 since the system was first introduced on 1 June 2012. Statistics of Copyright Voluntary Notification Applications Based on Types of Works for 2013 are as shown in Table 24.





Jadual 24: Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta Berdasarkan Jenis Karya (2013)
 Table 24: Copyright Voluntary Notification Applications Based on Types of Works (2013)

Jenis Karya <i>Types of Work</i>	2013
Sastera <i>Literary</i>	779
Seni <i>Artistic</i>	301
Rakaman Bunyi <i>Sound Recording</i>	56
Muzik <i>Music</i>	33
Filem <i>Film</i>	26
Terbitan <i>Derivative</i>	21
Jumlah <i>Total</i>	1,216

Pendaftaran Badan Pelesenan

Peraturan Hak Cipta (Badan Pelesenan) 2012 menetapkan mana-mana organisasi yang berhasrat untuk beroperasi sebagai badan kutipan royalti perlu membuat permohonan kepada Pengawal Hak Cipta untuk diisytiharkan sebagai Badan Pelesenan. Badan-badan pelesenan yang diisytiharkan perlu menjalankan peranan mereka berdasarkan prinsip Ketelusan (Transparency), Akauntabiliti (Accountability) dan Tadbir Urus yang baik (Good Governance) (TAG). Sekiranya gagal berbuat demikian, lesen mereka boleh dibatalkan oleh Pengawal Hak Cipta. Senarai Badan-badan Pelesenan Hak Cipta yang telah diisytiharkan adalah seperti di Jadual 25.

Registration of Licensing Bodies

The Copyright (Licensing Bodies) Regulations 2012 requires any organisation which intends to operate as a Licensing Body to apply to the Copyright Controller to be declared as a licensing body. The Licensing Bodies shall carry out their roles and functions according to the principles of Transparency, Accountability and Good Governance (TAG), failing which their license may be revoked by the Copyright Controller. The Copyright Licensing Bodies are as shown in Table 25.

Jadual 25: Badan-badan Pelesenan Hakcipta
 Table 25: Copyright Licensing Bodies

Bil. No.	Badan Pelesenan Licensing Body	Tarikh Perisytiharan Declaration Date
1.	Music Authors' Copyright Protection Berhad (MACP)	28 September 2012
2.	Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM)	05 Mac 2013
3.	Recording Performers Malaysia Berhad (RPM)	06 Mac 2013
4.	Performer's Rights and Interest Society Malaysia Berhad (PRISM)	01 Julai 2013

Tribunal Hak Cipta

Tribunal Hak Cipta telah beroperasi sepenuhnya selepas empat orang ahli dilantik selaras dengan penguatkuasaan Peraturan Hak Cipta (Tribunal Hak Cipta) 2012. Ahli-ahli tribunal yang dilantik terdiri daripada pakar perundangan dan berpengalaman dalam industri kreatif. Ahli-ahli Tribunal Hak Cipta adalah seperti di Jadual 26.


Copyright Tribunal

The Copyright Tribunal was fully operational after four members were appointed, following the enforcement of the Copyright (Copyright Tribunal) Regulations 2012. The appointed members comprise of experts in the legal and creative industries. Copyright Tribunal Members are as shown in Table 26.

Jadual 26: Ahli-Ahli Tribunal Hak Cipta
 Table 26: Copyright Tribunal Members

Bil. No.	Tribunal Hak Cipta Copyright Tribunal	
1.	Puan Suzana binti Hussin	Pengerusi Chairman
2.	Prof. Dr. Ida Madieha binti Abd. Ghani Azmi	Timbalan Pengerusi Deputy Chairman
3.	Encik Kamil bin Othman	Ahli Member
4.	Encik Abd. Khalik bin Sulaiman	Ahli Member





Pengehadan Tanggungan Pemberi Perkhidmatan

Dalam proses penyediaan peruntukan baru mengenai Pengehadan Tanggungan Pemberi Perkhidmatan, MyIPO mengambil inisiatif untuk mendapatkan maklumbalas daripada orang awam. Bagi tujuan tersebut, satu notis awam telah disiarkan melalui laman web MyIPO. Selain itu, beberapa siri penerangan dan perbincangan turut diadakan secara berterusan.

Jawatankuasa Kerja telah diwujudkan yang dianggotai oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), KPDNKK, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyber Security dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pembangunan Pangkalan Data Budaya Ekspresi Tradisi (TCE)

Satu lagi inisiatif baru yang diperkenalkan oleh MyIPO ialah pangkalan data berkaitan Budaya Ekspresi Tradisi (TCE). Inisiatif untuk mengumpulkan Senarai TCE Kebangsaan merupakan satu usaha proaktif MyIPO untuk memelihara dan memartabatkan budaya tradisional Malaysia. Usaha ini berpandukan dokumen kerja *WIPO Intergovernmental Committee on the Intellectual Property and Genetic Resources Traditional Knowledge and Folklore (WIPO IGC)* yang masih dibahaskan di *World Intellectual Property Organization (WIPO)*.

Inisiatif ini telah mendapat kerjasama pelbagai agensi kerajaan melalui beberapa siri perbincangan bagi menentukan hala tuju TCE negara. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Warisan Negara (JWN), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), agensi-agensi kerajaan negeri Sabah dan Sarawak, Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA), Persatuan Kebangsaan Orang Ulu (UONA) dan Majlis Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak.

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 206 data TCE telah berjaya dikumpulkan. Usaha pengumpulan data akan diteruskan sehingga kerangka perundangan berkaitan TCE dibangunkan.

Limitation of Service Providers Liability

In the process of preparing new provisions relating to the Limitation of Service Providers Liability, MyIPO has taken the initiative to obtain feedbacks from the public. For this purpose, a public notice was published on its website. In addition, series of consultations were continuously conducted.

A Working Committee has been established with members from Ministry of Information, Communication and Culture Malaysia (KPKK), MDTCC, Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), Cyber Security and Royal Malaysian Police (RMP).

Development of Traditional Cultural Expressions (TCE) Database

Another new initiative that was introduced by MyIPO is the database on Traditional Cultural Expressions (TCE). The initiative to compile the National List of TCEs is a proactive effort by MyIPO to safeguard and preserve Malaysian traditional cultures. This effort is based on the working document of the WIPO Intergovernmental Committee on the Intellectual Property and Genetic Resources Traditional Knowledge and Folklore (WIPO IGC) which is still under negotiations in World Intellectual Property Organization (WIPO).

This initiative has received cooperation from various government agencies through several series of discussions to determine the way forward. Among the agencies involved are Department of National Heritage (JWN), Department of Orang Asli Development (JAKOA), Sabah and Sarawak state agencies, Kadazandusun Cultural Association (KDCA), Orang Ulu National Association (OUNA) and Sarawak Social Development and Urbanisation Council.

As at 31 December 2013, 206 TCE data were compiled. Continuous data compilation will be carried out until a legal framework on TCEs is established.







Pejabat
Cawangan MyIPO

MyIPO Branch Offices



Pejabat Cawangan MyIPO *MyIPO Branch Offices*

Pada 2013, MyIPO mempunyai enam pejabat cawangan iaitu:

- Cawangan Sabah (Kota Kinabalu)
- Cawangan Sarawak (Kuching)
- Cawangan Zon Selatan (Johor Bahru)
- Cawangan Zon Pantai Timur (Kuantan)
- Cawangan Zon Utara (Seberang Jaya)
- Cawangan Melaka (Ayer Keroh)

Pejabat cawangan ini berfungsi sebagai pejabat penerima pemfailan permohonan harta intelek, memproses pra dan pasca-permohonan serta memberi khidmat nasihat. Statistik Penerimaan Pemfailan Permohonan Harta Intelek oleh Pejabat Cawangan MyIPO bagi 2013 adalah seperti di Jadual 1.

